

12 DEC 1997

PERDANA MENTERI VIETNAM HADIR MESYUARAT ASEAN

HANOI, 12 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Vietnam Phan Van Khai akan mengetuai delegasi 25 anggota dari negara itu ke sidang kemuncak tidak rasmi Asean di Kuala Lumpur dari Ahad hingga Selasa ini.

Beliau akan diiringi oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Luar Nguyen Manh Cam, Menteri Perdagangan Truong Dinh Tuyen dan Timbalan Menteri Luar Nguyen Tam Chien, yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal Asean, kata pegawai-pegawai di Kedutaan Malaysia.

Ini merupakan kali pertama Khai akan menghadiri satu mesyuarat peringkat tinggi Asean sejak dipilih September lepas oleh Perhimpunan Kebangsaan, badan perundangan Vietnam.

Khai dijadual menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi berbincang mengenai perkara-perkara kepentingan bersama.

Vietnam, yang menyertai Asean dua tahun lepas, akan menjadi tuan rumah sidang kemuncak itu tahun depan. -- BERNAMA

GHZ MAI